

**Raja Perlis Terima Menghadap Dua Duta Besar
Bernama
20 November, 2012**

KANGAR, 20 Nov (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Abdul Rashid menerima menghadap dua duta besar di Istana Arau dekat sini malam Isnin sempena lawatan rasmi mereka ke Perlis.

Mereka ialah Duta Besar Jepun Shigeru Nakamura dan Duta Besar Uruguay, Ferardo Prato.

Turut berangkat ke majlis menghadap itu ialah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil manakala yang hadir sama ialah Menteri Besar Datuk Seri Dr Md Isa Sabu dan Setiausaha Kerajaan negeri Perlis, Datuk Azizan Hamid.

Hari ini Duta Besar Jepun itu melawat kilang sarung tangan milik syarikat Jepun, Shorubber Malaysia Sdn Bhd di kawasan perindustrian Jejawi yang beroperasi sejak 1993 dan kini mempunyai lebih 2,000 petugas.

Sementara itu, Prato yang berada di sini sejak semalam turut melawat Taman Ular dan Reptilia Perlis serta Taman Herba di Sungai Batu Pahat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710089>